



4th Issue **VOLUME 2 : NOVEMBER 2025**

UiTM MUKAH BULLETIN

Inou Dengah UiTM Mukah?

4th Issue | Volume 2 | November 2025



TABLE OF CONTENT

- 01** From Rector's Desk
- 02** From Assistant Rector's Desk
- 03** Chief Editor's Note
- 04** Editorial Board
- 05** Highlights
- 10** News and Articles
- 43** Congratulations!
- 72** Thank You
- 73** Press and Media Coverage

EDITORIAL BOARD

Professor Dr. Firdaus Abdullah
Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah
Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi
Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**
Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph
Ms. Cindy Robert
Ms. Fakhira Jafri
Ms. Shirley Clare Jeri
Mrs. Nur Nadia Qausar Juhari

Mr. Shileyiusken Mijen
Webmaster

Mrs. Irene Seluroh
Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat
Photographer

Ms. Nuranissa Mercy Punai
Internship Trainee

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 4 November 2025


NEWS AND ARTICLES

ANALISA HAK PENDIDIKAN WANITA MENERUSI TIGA BUAH KARYA


Penulis: Siti Faridah Kamaruddin dan Dayang Hummida Abang Abdul Rahman

Penglibatan kaum wanita dalam institusi pengajian tinggi tidak dapat disangkal lagi pada era Malaysia yang sedang membangun ini. Ini dapat dibuktikan dari segi bilangan 18,250 orang pensyarah wanita (57.7%) berbanding 13,381 orang pensyarah lelaki (42.3%) pada tahun 2023 di semua universiti di Malaysia seperti yang dilaporkan oleh Agensi Statistik Negara Malaysia (DOSM). Bukan sahaja dari segi bilangan pensyarah, menurut data terkini yang dikeluarkan oleh pejabat Hal Ehwal Akademik (HEA) UiTM Kampus Mukah, bilangan kemasukan pelajar ke UiTM Kampus Mukah pada semester Oktober 2025 – Februari 2026 turut merekodkan seramai 366 mahasiswi (71.6%) telah mendaftarkan diri berbanding 145 orang mahasiswa (28.4%). Data ini jelas membuktikan bahawa penglibatan wanita di peringkat pengajian tinggi semakin dominan berbanding lelaki. Fenomena ini menggambarkan peningkatan peranan wanita dalam bidang akademik, sekali gus menunjukkan sumbangan besar mereka terhadap pembangunan ilmu dan kemajuan negara.

Walau bagaimanapun, peranan dan peluang wanita untuk berkecimpung dalam bidang akademik adalah berbeza pada zaman awal milenium. Justeru, bagi meneliti hak pendidikan wanita pada zaman sebelum dan awal milenium, tiga buah buku yang berlatarbelakangkan tiga jenis masyarakat telah dipilih bagi membincangkan isu tersebut. Karya yang dipilih untuk dianalisis ialah *In The Eye of The Sun* karya Ahdaf Soueif yang berlatarbelakangkan masyarakat Arab di Mesir pada 1960-an, *The Love Songs of W. E. B. Du Bois* karya Honorée Fanonne Jeffers yang melihat hak pendidikan kaum wanita daripada kalangan kaum kulit hitam pada 1980-an, serta karya Faisal Tehrani iaitu *Tunggu Teduh Dulu* yang mengangkat penglibatan wanita Melayu berpendidikan dalam bidang pertanian betik pada awal 2000-an.



In The Eye of The Sun
(diterbitkan pada tahun 1992)



The Love Songs of W. E. B. Du Bois
(diterbitkan pada tahun 2021)



Tunggu Teduh Dahulu
(diterbitkan pada tahun 2003)

ANALISA HAK PENDIDIKAN WANITA MENERUSI TIGA BUAH KARYA (samb.)

Dalam buku *In The Eye of The Sun*, Soueif menggambarkan pengalaman Asya Al-Ulama, seorang wanita Mesir dari keluarga kelas pertengahan yang memperoleh peluang belajar di universiti dalam dan luar negara. Pendidikan baginya menjadi pintu masuk kepada wacana modeniti, memberi ruang untuk mengembangkan intelektual serta menilai semula identiti diri. Namun, pendidikan tidak bebas daripada belenggu tradisi. Asya terperangkap antara keinginan membina kebebasan peribadi melalui ilmu dan tekanan budaya yang menuntut kepatuhan terhadap peranan isteri dan wanita Timur yang "sopan". Di sini, hak pendidikan wanita digambarkan wujud tetapi tidak sepenuhnya membebaskan. Pendidikan tinggi memberi wanita Mesir peluang untuk memasuki ruang awam, namun suara dan agensi mereka sering disekat oleh kuasa patriarki. Oleh itu, pendidikan dalam teks ini menjadi arena konflik, iaitu antara keinginan untuk meraih pengetahuan dengan realiti struktur budaya yang membatasi penggunaannya.

Dalam buku *The Love Songs of W. E. B Du Bois* pula, novel epik Jeffers menempatkan pendidikan wanita dalam sejarah panjang perhambaan, penindasan kaum dan perjuangan masyarakat Afrika-Amerika. Nama W. E. B. Du Bois merupakan tokoh terkenal dalam kalangan kaum kulit hitam kerana beliau merupakan lelaki kulit hitam pertama yang menyambung pengajian doktor falsafah di Universiti Harvard. Watak utama buku ini, Ailey Pearl Garfield, menuntut ilmu dalam bidang sejarah dan akademik sebagai cara untuk melawan warisan sistemik yang menindas kaumnya. Pendidikan di sini bukan sekadar hak individu, tetapi manifestasi kolektif perjuangan bangsa yang tertindas. Berbeza dengan Asya yang berdepan dilema budaya, wanita kulit hitam dalam karya Jeffers menghadapi halangan berganda seperti diskriminasi gender dan rasisme. Hak pendidikan mereka tidak boleh diambil mudah kerana setiap langkah ke universiti dan setiap pencapaian akademik merupakan bentuk penentangan terhadap naratif sejarah yang cuba menafikan kecerdikan serta maruah wanita Afrika-Amerika. Pendidikan bagi Ailey menjadi senjata yang membolehkannya membina naratif alternatif yang mengangkat suara leluhur.

Karya tempatan Tunggu Teduh Dahulu seterusnya menggambarkan wanita dengan lebih progresif dalam konteks Malaysia moden. Keunikan buku ini ialah penulisnya, Faisal Tehrani, merupakan seorang lelaki yang menulis buah fikiran dari sudut pandang wanita. Watak utama wanita dalam teks ini, iaitu Salsabila Fahim, bukan sahaja mendapat akses pendidikan, malah menggunakannya untuk membina kerjaya dalam bidang pertanian moden dan keusahawanan. Pendidikan tidak lagi sekadar ruang pembebasan, tetapi instrumen pembangunan ekonomi dan sosial. Walaupun masih wujud stereotaip jantina dan pengaruh budaya patriarki, golongan wanita dalam buku ini lebih bebas menentukan haluan hidup. Ilmu pengetahuan, terutama dalam bidang praktikal, menjadi landasan untuk menyumbang kepada masyarakat dan membina identiti profesional. Berbanding Asya atau Ailey, yang terikat dengan trauma dan sekatan budaya, Salsabila lebih berdaya saing, menampilkan wajah pendidikan sebagai hak yang relatif lebih terjamin dalam negara membangun.

NEWS AND ARTICLES

ANALISA HAK PENDIDIKAN WANITA MENERUSI TIGA BUAH KARYA (samb.)



Perbezaan hak pendidikan wanita dalam ketiga-tiga buku ini dapat dilihat melalui konteks budaya dan sejarah, peranan pendidikan, serta keterbatasan dan potensi yang digambarkan. Ahdaf Soueif dalam *In the Eye of the Sun* menekankan konflik antara tradisi Timur dan kemodenan Barat, memperlihatkan pendidikan sebagai ruang pencarian identiti bagi wanita Mesir yang tetap dibatasi oleh budaya patriarki. Honorée Fanonne Jeffers dalam *The Love Songs of W. E. B. Du Bois* pula menyorot perjuangan melawan sejarah perhambaan dan diskriminasi kaum, menjadikan pendidikan sebagai bentuk survival dan keadilan sejarah bagi wanita Afrika-Amerika yang berdepan halangan berganda iaitu gender dan rasa.

Sementara itu, Faisal Tehrani melalui *Tunggu Teduh Dulu* menampilkan masyarakat Malaysia yang lebih inklusif terhadap wanita berpendidikan, meletakkan pendidikan sebagai wadah pembangunan ekonomi dan mobiliti sosial, meskipun wanita masih berhadapan dengan stereotaip jantina dari segi kemampuan mereka dalam masyarakat.

Perbandingan tiga buku ini membuktikan bahawa hak pendidikan wanita bukanlah konsep yang seragam di seluruh dunia. Dalam konteks Mesir, hak itu hadir bersama konflik budaya dan identiti; di Amerika, ia menjadi senjata perjuangan melawan penindasan sejarah; manakala di Malaysia, ia muncul sebagai peluang pembangunan diri dan negara. Walau berbeza, ketiga-tiga naratif ini berkongsi satu kesimpulan penting: pendidikan adalah kunci pembebasan, agensi, dan transformasi wanita.



Telephone/Fax
084-876100/084-876300



Email Address
korporat_swk@uitm.edu.my



Website
<https://sarawak.uitm.edu.my/>



Address
**Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak Kampus Mukah,
KM 7.5 Jalan Oya,
96400 Mukah, Sarawak.**

eISSN 2976-257X



9 7 7 2 9 7 6 2 5 7 0 0 9